

22/06/2003

Teruskan perpaduan demi bangsa dan negara

Sutung Umar RS

PERSOALAN perpaduan dalam Umno bukan perkara baru. Noor Azam melalui kolum

"Perspektif" dalam majalah Dewan Masyarakat pada tahun 1970-an berkali-kali menulis mengenai perkara ini. Kini lebih 30 tahun telah berlalu, apakah persoalan perpaduan dalam Umno sudah selesai, atau umpama lumpur, hanya mendap ke dasar, menunggu waktu jika ada gelombang walaupun sedikit

saja ia cukup untuk kembali mengeruhkan air yang jernih itu? Tentulah jawapan jujur dan tepat hanya dapat diberikan oleh kepimpinan Umno dan ahlinya kerana merekalah bahu yang memikulnya.

Jelas bahawa sepanjang sejarahnya yang panjang dan cemerlang itu Umno berkali-kali mengalami masa pemilihan kepimpinannya, hal yang sebenarnya tidak dapat dielakkan kerana sistem itulah yang telah dipilih.

Dari segi teori dan praktisnya pemilihan pucuk kepimpinan memang sesuatu

yang wajar, namun apabila pemilihan pada peringkat manapun dilaksanakan dan malah dipergunakan bukan secara sewajarnya, ia pada bila-bila masa saja akan bertukar kepada pertandingan dan perlawanan, manakala satu pertandingan atau perlawanan adalah bibit kepada perpecahan.

Suatu waktu dahulu, khususnya sekitar awal penubuhannya sehingga awal 1970-an, budaya kepimpinan Umno adalah budaya kepimpinan masyarakat muafakat dan gotong-royong, tetapi selaras dengan perkembangan masyarakatnya dalam pelbagai bidang kehidupan, budaya politik tradisional

itu semakin hari semakin luntur digantikan oleh budaya politik moden.

Pemimpin Umno semenjak selepas 1970-an tidak lagi dilihat sebagai pemimpin

masyarakat muafakat dan gotong-royong, sebaliknya dilihat sebagai pemimpin

politik dan pemimpin organisasi moden.

Sebagai pemimpin dan ahli kepada sebuah organisasi moden, nilai-nilainya

(dalaman mahupun luaran) juga ikut sama berubah. Pemimpin dan ahlinya sudah tidak segan silu lagi terbabit dalam persaingan merebut kekuasaan secara yang lebih terbuka dan meluas sebagaimana yang terbukti dalam banyak kes sepanjang sejarahnya masa lalu. Persaingan itu tidak saja terjadi pada peringkat cawangan, bahagian, negeri, malahan arus dan gelombangnya pada peringkat nasional semakin hebat. Dan tentulah suatu hal

yang amat merugikan dalam mencapai matlamat diri dan kelompok itu jika matlamat sebenar yang lebih besar dan unggul iaitu kesejahteraan bangsa dan negara dilupakan begitu saja.

Tidak siapapun mahu menerima keadaan 'yang dikejar tak dapat yang dikandung berciciran' yang menjadi natijah daripada suatu perebutan dalam

kepimpinan.

Justeru itulah pada fikiran kita Dr Mahathir dan disambut baik oleh pucuk kepimpinan tertinggi Umno masa kini memperlihatkan kebimbangan

yang

sungguh-sungguh terhadap perpecahan yang boleh diakibatkan oleh perebutan

kuasa dalam jawatan Timbalan Perdana Menteri berikutan pengunduran Dr Mahathir dan pertandingan dalam pemilihan pucuk pimpinan pada tahun hadapan.

Tidak dapat dinafikan bahawa perebutan bukan saja dalam politik, tidak lain sebabnya adalah kerana adanya habuan yang bakal diperoleh oleh pihak

yang menang. Dalam politik, kerana politik itu adalah kuasa, maka ia lebih-lebih lagi. Dan seiring dengan kuasa itu ialah wang atau pelbagai bentuk material yang lain.

Dalam hal yang terakhir ini rakyat pada umumnya tetap mengharap agar

pemimpinnya, pada peringkat mana pun tidak memikirkan hanya material, kerana materialisme itu sendiri mempunyai akibat buruknya lebih daripada manfaat baiknya. Pemimpin hendaklah juga memikirkan hal-hal yang demi bangsa dan negaranya lebih daripada demi poket, keluarga, dan kelompoknya semata.

Dunia semakin maju, kehidupan dalam segala bidang semakin canggih demikian juga musuh kita pun semakin pintar dan licik. Kegagalan kita untuk menangani diri, bangsa dan negara kita tidak lain sebabnya adalah kerana kegagalan kita mengendalikan perasaan tamak yang ada pada diri kita. Hancurnya empayar Melaka yang wujud ratusan tahun lamanya dalam sejarah bangsa kita, bukan hanya kerana kekuatan musuh yang datang menyerang melainkan kerana perpecahan dalamannya.